



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KPN TUMPU TIGA LANGKAH STRATEGIK PERKUKUH DAN TRANSFORMASI SEKTOR PERMUZIUMAN NEGARA

JOHOR BAHRU, 24 Jun – Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Muzium Malaysia memberi tumpuan kepada tiga langkah strategik bagi memperkukuh serta mentransformasikan sektor permuziuman negara agar kekal relevan dan berdaya saing. Perkara tersebut diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ketika merasmikan **Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan (FHMAPK) 2026** di Padang Akasia, Pusat Beli-belah Angsana.

Tiga langkah strategik tersebut adalah pertama, memperkenalkan **Geran Padanan Muzium** bagi memperkasa pembangunan sektor permuziuman serta kedua, penggubalan **Rang Undang-undang Muzium Malaysia (RUUMM)** bagi memperkukuh tadbir urus sektor permuziuman negara.

Ketiga, Kerajaan MADANI telah **meluluskan pembangunan Muzium Alam Semula Jadi Malaysia** di Putrajaya **sekali gus merealisasikan hasrat yang telah dirancang sejak tahun 1989**. Projek ini merupakan antara inisiatif strategik negara dalam memperkukuh pemeliharaan dan pendidikan berkaitan biodiversiti serta warisan alam semula jadi Malaysia. Sehingga kini, Muzium Alam Semula Jadi menyimpan sebanyak **76,666 spesimen**, merangkumi 73,934 koleksi zoologi, 2,075 koleksi botani dan 657 koleksi geologi. Koleksi ini bukan sahaja mempunyai nilai saintifik yang tinggi, malah menjadi sumber rujukan penting dalam usaha penyelidikan, pendidikan dan pemuliharaan warisan alam negara.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, “Ketiga-tiga inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI untuk memastikan institusi muzium terus diperkasakan sebagai wadah pendidikan, pemeliharaan warisan, pembangunan modal insan dan pembinaan negara bangsa”. Tambah beliau lagi, “Dalam landskap global

yang dipacu oleh teknologi, kecerdasan buatan dan pendigitalan, institusi muzium perlu terus beradaptasi dengan kehendak semasa melalui pendekatan penyampaian yang lebih interaktif, penggunaan teknologi digital, dan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik”.

Dengan tema **“Museums Uniting a Divided World”**, FHMAPK 2026 anjuran bersama Kerajaan Negeri Johor melalui Warisan Negeri Johor adalah acara tahunan penting dalam kalendar permuziuman negara. Sambutan ini juga merupakan detik yang amat signifikan kerana menandakan 30 tahun penganjuran Hari Muzium Antarabangsa di Malaysia sejak mula disambut pada tahun 1997.

Pelbagai aktiviti menarik telah disusun sepanjang festival termasuk reruai pameran muzium dalam dan luar negara, demonstrasi dan perkongsian ilmiah menerusi bengkel, aktiviti stem dan d.i.y. kerjasama dengan Yayasan Mr. D.I.Y., pelbagai jenis pertandingan, persembahan kebudayaan, jerayawara warisan, gerai jualan makanan, malam kerohanian, *Museum Fun Walk* dan banyak lagi. Festival ini turut menjangkau komuniti di Pontian termasuklah pelancaran budaya sarapan pagi Johor.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

24 Jun 2026

KPN.100-9/1/16 (58)

